

PANDUAN MOBILITI PELAJAR

1. PENDAHULUAN

- (a) Program Mobiliti Pelajar merupakan salah satu program Universiti yang dirancang untuk memastikan agenda pengantarabangsaan pendidikan tinggi negara seperti yang dihasratkan menerusi Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) dapat dicapai. Menerusi program ini, pelbagai faedah akan dapat diperolehi oleh pelajar, Universiti dan Negara. Kerajaan dan majikan hari ini juga telah memperakui bahawa tenaga kerja pada masa hadapan mestilah terdiri daripada graduan-graduan yang bukan saja terlatih dan kompeten tetapi merupakan ahli profesional yang mempunyai perspektif global agar berupaya menyelesaikan masalah - masalah ekonomi dan sosial dengan lebih berkesan.

- (b) Program Mobiliti dapat memartabatkan jenama dan imej Universiti di mata dunia di samping menanda aras kualiti kurikulum menerusi pengiktirafan antarabangsa. Program ini juga akan menyemarakkan lagi usaha-usaha untuk menjadikan Malaysia sebagai hab kecemerlangan pendidikan tinggi di peringkat antarabangsa.

- (c) Faedah kepada pelajar yang menyertai program ini adalah seperti berikut:-
 - (i) Berpeluang merasai pengalaman belajar di negara asing atau Institusi Pengajian Tinggi dalam negara;
 - (ii) Berpeluang untuk merasai budaya dan kehidupan di negara asing di dalam suasana yang berlainan;
 - (iii) Berpeluang untuk memahami bidang pengajian dalam konteks yang lebih luas di dalam suasana pembelajaran, persekitaran dan budaya yang berbeza;

- (iv) Berpeluang menjalin hubungan persahabatan dan rangkaian (networking) dengan pelajar-pelajar asing atau daripada Institusi yang lain;
- (v) Memperkaya pengalaman pembelajaran;
- (vi) Meningkatkan prospek kebolehkerjaan terutamanya di dalam pasaran antarabangsa;
- (vii) Meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris atau bahasa asing lain; dan
- (viii) Berpeluang mewakili Universiti serta negara selaku 'Duta Kecil' dan seterusnya meningkatkan kematangan dan keyakinan diri serta kebolehan akademik.

2. PENJELASAN MENGENAI PROGRAM MOBILITI PELAJAR

- (a) Program mobiliti pelajar melibatkan penempatan pelajar dari sebuah Universiti ke sebuah Universiti yang lain sama ada Universiti di dalam atau luar negara yang diiktiraf oleh Senat Universiti bagi satu tempoh masa yang tertentu.
- (b) Bagi penempatan atau pertukaran pelajar UTeM ke Universiti lain, program ini dikenali sebagai *Mobiliti Outbound* yang mana UTeM adalah Universiti Asal (*Home University*) manakala Universiti lain yang mana pelajar ditempatkan dikenali sebagai Universiti Hos (*Host University*).
- (c) Bagi penempatan atau pertukaran pelajar Universiti lain ke UTeM, program ini dikenali sebagai *Mobiliti Inbound* di mana UTeM adalah Universiti Hos (*Host University*) manakala Universiti di mana pelajar berdaftar ialah Universiti Asal (*Home University*).
- (d) Terdapat dua (2) jenis program mobiliti pelajar iaitu **berkredit** dan **tidak berkredit**:-

- (i) Bagi **program mobiliti pelajar ber kredit**, pelajar mengambil mata pelajaran Universiti Hos yang setara dan kredit mata pelajaran tersebut akan diambil kira bagi menentukan Kedudukan Akademik pelajar di Universiti Asal. Tempoh program ini kebiasaannya selama satu (1) semester lazim pengajian yang mengandungi 14 minggu perkuliahan.
- (ii) Bagi **program mobiliti pelajar tanpa ber kredit**:
 - (a) pelajar tidak mengambil mata pelajaran Universiti lain dan program lazimnya bersifat lawatan atau pertukaran budaya yang dilakukan di dalam tempoh yang pendek. Dalam program ini, pencapaian pelajar tidak akan diambil kira bagi penentuan Kedudukan Akademik; atau
 - (b) pelajar mengambil mata pelajaran Universiti lain semata-mata untuk menambah ilmu pengetahuan sahaja tetapi tidak berhasrat untuk memasuk kira kredit mata pelajaran yang telah diikuti untuk memenuhi keperluan kredit untuk berijazah.

(e) Terdapat dua (2) kategori pelaksanaan mobiliti pelajar ber kredit di UTeM iaitu:-

(i) Mobiliti Bersifat Timbal Balik (*Reciprocal*)

- (a) Pelajar UTeM mengikuti program pengajian di Universiti lain yang lazimnya, terdapat perjanjian terdahulu seperti Memorandum Persefahaman (MoU) yang dimeterai di antara UTeM dengan Universiti Hos tersebut. Pertukaran pelajar bersifat timbal balik (***reciprocal***) di mana pelajar UTeM akan menjalani pengajian di Universiti Hos manakala pelajar Universiti Hos pula akan menjalani pengajian di UTeM. Jumlah pelajar yang dihantar ke Universiti Hos dan diterima oleh UTeM adalah sama bilangannya. Kebiasaannya turut juga dipersetujui, yuran

tidak dikenakan oleh Universiti Hos tetapi pelajar masih perlu menyelesaikan yuran pengajiannya kepada UTeM seperti biasa.

(ii) Mobiliti Bersifat Bukan Timbal Balik (*Non Reciprocal*)

- (a) Pelajar UTeM mengikuti program pengajian di Universiti lain berdasarkan persetujuan antara UTeM dengan Universiti Hos tersebut. Bagi kes-kes ini, hanya satu pihak sahaja yang menghantar pelajar tetapi Universiti Hos tidak menghantar pelajar ke Universiti tersebut atau jumlah pelajar dari Universiti Asal yang dihantar tidak sama dengan jumlah pelajar dari Universiti Hos yang diterima. Pertukaran pelajar di sini bersifat ***non reciprocal*** dan yuran (yuran pengajian penuh atau mana-mana bahagian daripadanya) boleh dikenakan oleh mana-mana Universiti tertakluk kepada persetujuan bersama.
- (f) Program Mobiliti Outbound Berkredit melibatkan pengiktirafan tempoh pengajian dan kredit mata pelajaran (serta mata nilai) yang telah lulus di Universiti lain dengan persetujuan UTeM, boleh dikira sebagai memenuhi syarat dan keperluan kursus pengajian di UTeM. Kredit mata pelajaran yang diperolehi bersama-sama gred dan mata nilai akan diambil kira bagi tujuan pengijazahan. Prestasi pelajar semasa mengikuti Program Mobiliti Outbound Berkredit juga akan direkodkan ke dalam transkrip. Bagi pelajar yang gagal di dalam Program Mobiliti Outbound Berkredit, tempoh menjalani program dan kredit mata pelajaran yang diambil di Universiti Hos akan diambil kira. Mata pelajaran yang gagal perlu diulang dan terdapat kemungkinan pelajar akan lewat menamatkan pelajaran.
- (g) Panduan ini **HANYA** menggariskan tatacara bagi program **mobiliti pelajar berkredit yang melibatkan penempatan pelajar UTeM di**

Universiti Hos (*outbound*) sama ada ia bersifat timbal balik (*reciprocal*) atau bukan timbal balik (*non reciprocal*).

3. MOBILITI OUTBOUND BERKREDIT

(a) Syarat Memohon

- (i) Pelajar mestilah warganegara Malaysia.
- (ii) Semua pelajar program Diploma atau Ijazah Sarjana Muda atau Ijazah Sarjana atau Ijazah Kedoktoran yang telah mendaftar kursus di UTeM adalah layak untuk memohon.
- (iii) Pelajar hendaklah memperoleh CGPA terkini sekurang-kurangnya 3.00 semasa membuat permohonan.
- (iv) Pelajar mestilah sihat tubuh badan dan tidak menghadapi sebarang sakit kronik.
- (v) Pelajar menguasai kemahiran bertutur dan menulis di dalam Bahasa Inggeris dengan baik.
- (vi) Pelajar mestilah mempunyai rekod kelakuan yang baik dan hendaklah bebas dari sebarang pertuduhan tatatertib sebelum mengikuti program Mobilti Outbound Berkredit. Pelajar mestilah berupaya menjaga nama baik dan imej UTeM di sepanjang program.
- (vii) Pelajar mampu untuk membiayai sendiri kos-kos lain yang tidak ditanggung oleh UTeM.
- (viii) Pelajar mestilah bebas dari sebarang hutang yuran atau lain-lain caj dan bayaran tertunggak kepada UTeM.
- (ix) Pelajar hendaklah telah menjalani sekurang-kurangnya satu (1) semester pengajian di UTeM.

- (x) Seseorang pelajar UTeM hanya dibenarkan mengikuti program Mobiliti Outbound Berkredit **sekali** sahaja di sepanjang pengajian.
- (xi) Pelajar tidak dibenarkan menjalani program Mobiliti Outbound Berkredit pada semester akhir pengajiannya.
- (xii) Pelajar mestilah berstatus '**aktif**' pada semester yang beliau menjalani program Mobiliti Outbound Berkredit.
- (xiii) Permohonan hendaklah dihantar selewat – lewatnya pada hari bekerja terakhir **pada minggu ke 12 semester semasa** jika ingin mengikuti Program Mobiliti Outbound Berkredit pada semester berikutnya.
- (xiv) Pelajar perlu memenuhi syarat kemasukan yang ditetapkan oleh Universiti Hos.

(b) Kaedah Memohon

Mana-mana pelajar UTeM yang berminat untuk mengambil bahagian di dalam program Mobiliti Outbound Berkredit hendaklah mengemukakan permohonan bertulis kepada Pejabat Antarabangsa menggunakan borang yang disediakan. Hanya pelajar yang diluluskan sahaja yang dibenarkan mengikuti program Mobiliti Outbound Berkredit.

(c) Tempoh Mobiliti Outbound Berkredit

Tempoh yang dibenarkan bagi pelajar UTeM menjalani program Mobiliti Outbound berkredit ialah satu (1) semester lazim sahaja.

(d) Kesetaraan Mata Pelajaran

- (i) Sebelum memohon, pelajar-pelajar dinasihatkan agar mendapatkan maklumat dengan Penasihat Akademik masing-masing dan meneliti portfolio Universiti Hos, kalendar pengajian serta mata pelajaran yang akan diikuti. Bagi Universiti Hos yang mempunyai MoA atau MoU dengan UTeM, Fakulti kebiasaannya telah membuat jadual pemetaan dan persetaraan mata pelajaran Universiti Hos dengan UTeM yang boleh didaftarkan oleh pelajar semasa mengikuti program Mobiliti Outbound Berkredit.
- (ii) Bagi Universiti Hos yang tidak mempunyai MoA atau MoU dengan UTeM, pelajar hendaklah berbincang dengan Timbalan Dekan (Akademik) Fakulti tentang kesesuaian kurikulum dan kesetaraan mata pelajaran yang akan diikuti. Persetujuan daripada Timbalan Dekan (Akademik) Fakulti perlu diperolehi terlebih dahulu bagi mengelakkan masalah ketidaksetaraan mata pelajaran. Bagi mata pelajaran di Universiti Hos yang mempunyai pra-syarat, pelajar perlu menyemak dan memastikan pra-syarat tersebut telah dipenuhi terlebih dahulu.
- (iii) Pelajar hendaklah meneliti dan memastikan isi kandungan pembelajaran mata pelajaran yang akan diikuti di Universiti Hos adalah **sekurang-kurangnya 80% setara** dengan isi kandungan pembelajaran mata pelajaran yang diikuti di UTeM dan disahkan oleh Fakulti. Pengambilan mata pelajaran yang tidak memenuhi ketetapan ini akan menyebabkan pelajar terpaksa mengambil mata pelajaran semula di UTeM dan pelajar mungkin akan lewat menamatkan pengajiannya.
- (iv) Pelajar perlu memastikan program pengajian yang diikuti oleh pelajar didalam program Mobiliti Outbound Berkredit telah diiktiraf atau mendapat akreditasi di negara Universiti Hos.

- (v) Umumnya, mana-mana mata pelajaran boleh diambil semasa menjalani program Mobiliti Outbound Berkredit tertakluk kepada kelulusan Fakulti.

(d) Pendaftaran Mata Pelajaran

- (i) Pelajar yang telah diluluskan untuk mengikuti program Mobiliti Outbound Berkredit hendaklah mendaftarkan mata pelajaran UTeM yang telah disetarakan dengan mata pelajaran di Universiti Hos menerusi Sistem Maklumat Pelajar (SMP) mengikut peraturan dan prosedur pada minggu ke 13 hingga 15 semester semasa.
- (ii) Pelajar hendaklah mendaftar mata pelajaran menggunakan kod yang telah diluluskan sahaja.
- (iii) Jumlah beban kredit maksimum mata pelajaran yang diambil di dalam program Mobiliti Outbound mestilah **tidak melebihi daripada 30%** daripada keseluruhan kredit yang diperlukan pelajar untuk berijazah bagi program yang diikuti di UTeM.
- (iv) Nilai kredit mata pelajaran yang akan diambil di Universiti Hos mestilah setara dengan nilai **beban** kredit mata pelajaran di UTeM.

(e) Beban Kredit

- (i) Semua pelajar yang mengikuti Mobiliti Outbound Berkredit mesti mengambil sekurang-kurangnya 12 kredit pada semester berkenaan. Pelajar yang mengambil kurang daripada 12 kredit hendaklah mendapat kebenaran Dekan Fakulti di UTeM.

- (i) Beban kredit maksimum bagi pelajar yang mengikuti program Mobiliti Outbound Berkredit pada sesuatu semester ialah seperti berikut:-

(a) Pelajar Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan	18 kredit
(b) Pelajar Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer, Teknologi Maklumat, Teknousahawanan & Pengurusan Teknologi serta Teknologi Kejuruteraan	20 kredit
(c) Pelajar Diploma	18 kredit
(d) Pelajar Ijazah Kedoktoran atau Sarjana secara Penyelidikan	-
(e) Pelajar Ijazah Sarjana secara Mod Campuran	12 kredit
(f) Pelajar Ijazah Sarjana secara Kerja Kursus	18 kredit

Pelajar yang ingin mengambil lebih daripada jumlah kredit di atas hendaklah mendapatkan kebenaran Dekan Fakulti di Universiti Hos serta di UTeM.

- (ii) Penambahan, pengguguran atau tarik diri mata pelajaran di Universiti Hos **tidak** dibenarkan **kecuali** setelah mendapat kebenaran dari Dekan Fakulti di UTeM dan di Universiti Hos tertakluk kepada jumlah kredit minimum dan maksimum di perenggan i (a) dan (b) diatas.

(f) Keputusan Peperiksaan

- (i) Pelajar UTeM yang mengikuti program Mobiliti Outbound Berkredit diwajibkan mengikuti semua bentuk pertemuan dan penilaian di Universiti Hos dan adalah tertakluk kepada kalendar pengajian serta peraturan akademik Universiti Hos.
- (ii) Universiti Hos berkuasa penuh untuk memberi markah penilaian pelajar mengikut peraturan penilaian Universiti Hos. Universiti Hos perlu menghantar slip keputusan peperiksaan pelajar kepada Pejabat Antarabangsa selepas disahkan oleh Senat Universiti Hos.
- (iii) Bahagian Pengurusan Akademik / PPS bertanggungjawab untuk memproses keputusan peperiksaan pelajar dari Universiti Hos. **Hanya gred mata pelajaran akan diserahkan oleh Universiti Hos kepada UTeM. Seterusnya UTeM akan mengira GPA dan CGPA semester tersebut berdasarkan mata nilai yang diuntukkan kepada gred setiap mata pelajaran mengikut sistem penggredan UTeM.**
- (iv) Bergantung kepada jadual urusan kerja pengesahan keputusan peperiksaan Universiti Hos, ada kemungkinan keputusan pelajar tidak sempat diperolehi sebelum bermulanya sesi perkuliahan semester berikutnya. Keputusan peperiksaan pelajar akan dicatatkan sebagai **Tidak Selesai (TS)** sehingga keputusan semester tersebut disahkan oleh Senat UTeM. Di dalam keadaan ini, pelajar dibenarkan untuk mendaftar kursus dan mata pelajaran untuk semester berikutnya walaupun belum mendapat keputusan peperiksaan semester semasa yang beliau menjalani program Mobiliti Outbound Berkredit .

(g) Pendaftaran Kursus Semula

Pelajar yang kembali daripada mengikuti program Mobiliti Outbound Berkredit hendaklah mendaftar kursus semula di Bahagian

Pengurusan Akademik pada hari pertama perkuliahan semester berikutnya. Ini bertujuan untuk mengaktifkan kembali status pelajar daripada status 'Mobiliti' kepada 'Aktif'.

(h) Pendaftaran Mata Pelajaran Semester Berikutnya

Pelajar hendaklah melakukan pendaftaran mata pelajaran yang bakal diikuti pada semester berikutnya (setelah selesai menjalani Program Mobiliti Outbound Berkredit) pada minggu 13 - 15 semester bersama-sama Penasihat Akademik mengikut tarikh di dalam Kalendar Akademik UTeM.

(i) Yuran

(i) Program Mobiliti Outbound Berkredit secara timbal balik (*reciprocal*)

(a) Pelajar UTeM hendaklah membayar yuran pengajian kepada UTeM seperti biasa tertakluk kepada peraturan pembayaran yang berkaitan. Universiti Hos tidak mengenakan apa jua yuran kepada pelajar.

Walau bagaimanapun, jika pelajar tidak menggunakan kemudahan yang disediakan oleh Universiti Hos, contohnya asrama, semua kos dan perbelanjaan bagi keperluan khas pelajar tersebut hendaklah ditanggung sendiri oleh pelajar.

(b) Urusan pengangkutan pelajar, buku teks, dan item-item peribadi lain ditanggung sendiri oleh pelajar.

(ii) Program mobiliti pelajar berkredit secara bukan timbal balik (*non reciprocal*)

(a) Pelajar UTeM hendaklah membayar yuran pengajian kepada UTeM seperti biasa tetapi semua yuran tersebut

akan disalurkan kepada Universiti Hos oleh Pejabat Bendahari UTeM. Jika berlaku kekurangan pada jumlah yuran yang disalurkan dengan yuran sebenar Universiti Hos, Universiti Hos berhak untuk meminta pelajar menjelaskan perbezaan amaun yuran pengajian tersebut.

- (b) Urusan pengangkutan pelajar, buku teks, dan item-item peribadi lain ditanggung sendiri oleh pelajar.

(j) Transkrip Akademik

- (i) Mata Pelajaran yang telah diambil oleh pelajar semasa menjalani program Mobiliti Outbound Berkredit akan dicatatkan dalam Transkrip Akademik.

(k) Bantuan Kewangan

- (i) Pelajar dinasihatkan meneliti implikasi kewangan dan memastikan mempunyai kewangan yang mencukupi untuk menampung semua perbelanjaan semasa mengikuti program Mobiliti Outbound Berkredit.
- (ii) Walau bagaimanapun, UTeM ada menyediakan Tabung Mobiliti Pelajar sebagai bantuan kewangan kepada pelajar yang tidak layak. Pemberian bantuan kewangan ini meliputi bantuan sara diri, insurans dan kos pengangkutan tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh Universiti.

(l) Menarik diri dari program Mobiliti Outbound Berkredit

- (i) Pelajar UTeM yang telah memulakan pengajian di Universiti Hos **tidak** dibenarkan menarik diri, **kecuali** setelah mendapat kebenaran khas Dekan Fakulti di UTeM. Jika pelajar menarik diri selepas 14 hari perkuliahan bermula mengikut kalendar

akademik UTeM, pelajar hendaklah menangguhkan pengajian bagi semester tersebut.

- (ii) Bagi pelajar yang telah diluluskan bantuan kewangan, semua wang bantuan yang telah diterima hendaklah dikembalikan kepada UTeM.

(m) Insurans

Semua pelajar UTeM yang mengikuti program Mobiliti Outbound Berkredit mesti mempunyai insurans perubatan untuk menampung kos perubatan yang mungkin timbul dan kos insurans tersebut perlu ditanggung sendiri oleh pelajar.

(n) Pengangkutan dan Visa

Pelajar bertanggungjawab untuk mendapatkan visa serta dokumen kemasukan (jika berkaitan) sebelum mereka bertolak. Pejabat Antarabangsa UTeM akan membantu pelajar berkenaan untuk menyediakan dokumen perjalanan dan proses mendapatkan visa (di mana bersesuaian).

(o) Penamatan Program

- (i) UTeM berhak untuk menamatkan program Mobiliti Outbound sekiranya mendapati pelajar melanggar mana-mana peraturan tatatertib Universiti Hos. Jika pelajar telah diluluskan bantuan kewangan, semua wang bantuan tersebut hendaklah dikembalikan kepada UTeM.
- (ii) Bagi penamatan yang berkuatkuasa selepas 14 hari perkuliahan bermula mengikut kalendar akademik UTeM, pelajar hendaklah menangguhkan pengajian bagi semester tersebut.

4. CARTA ALIR PROSES PELAKSANAAN PROGRAM MOBILITI OUTBOUND BERKREDIT

Carta alir proses pelaksanaan program Mobiliti Outbound Berkredit adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

5. TANGGUNGJAWAB PIHAK-PIHAK BERKAITAN

(a) Pelajar

- (i) Menyemak portfolio Universiti Hos, kalendar pengajian serta matapelajaran yang boleh diikuti di dalam program Mobiliti Outbound Berkredit;
- (ii) Membuat permohonan menggunakan borang yang ditetapkan;
- (iii) Membuat persiapan mental dan fizikal sebelum menjalani program;
- (iv) Membuat persiapan kewangan yang sewajarnya termasuk memohon bantuan kewangan dari UTeM (jika perlu);
- (v) Mendaftar mata pelajaran yang hendak diikuti menerusi SMP semasa mengikuti program Mobiliti Outbound Berkredit;
- (vi) Melaporkan diri kepada Fakulti/ pihak yang berkuasa apabila tiba di Universiti Hos;
- (vii) Mengikuti segala bentuk pengajaran dan pembelajaran di Universiti Hos;
- (viii) Mematuhi segala peraturan dan undang-undang Universiti Hos;
- (ix) Melapor diri untuk pendaftaran semula kursus di Bahagian Pengurusan Akademik setelah selesai menjalani program Mobiliti Outbound berkredit;

- (x) Mendaftar mata pelajaran menerusi SMP bagi mata pelajaran yang akan diambil bagi semester berikutnya mengikut tempoh pendaftaran wajib mata pelajaran seperti biasa;
- (xi) Memulangkan semula wang bantuan kewangan yang diberikan oleh UTeM sekiranya terpaksa menamatkan diri atau ditamatkan daripada mengikuti program Mobiliti Outbound Berkredit lebih awal; dan
- (xii) Membuat pembentangan hasil pembelajaran dibawah program Mobiliti Outbound Berkredit dalam sesi perkongsian anjuran Fakulti.

(b) Fakulti

- (i) Membuat pemetaan dan persetaraan mata pelajaran;
- (ii) Menasihati pelajar tentang pemilihan mata pelajaran;
- (iii) Menyusun semula dan menyediakan Pelan Pembelajaran baharu bagi pelajar;
- (iv) Memberi perakuan kepada pelajar-pelajar yang layak dipertimbangkan kelulusan untuk menjalani program Mobiliti Outbound Berkredit; dan
- (v) Menimbang dan meluluskan permohonan menarik diri mata pelajaran tertakluk kepada beban kredit minimum yang dibenarkan.

(c) Bahagian Pengurusan Akademik

- (i) Menyediakan surat tawaran kepada pelajar;
- (ii) Mengemas kini rekod status pelajar di dalam SMP;

- (iii) Menguruskan pengesahan keputusan peperiksaan pelajar yang telah menjalani program Mobiliti Outbound Berkredit;
- (iv) Menguruskan pendaftaran kursus semula dan pendaftaran mata pelajaran bagi pelajar-pelajar yang telah selesai menjalani program Mobiliti Outbound berkredit; dan
- (v) Mengeluarkan slip keputusan peperiksaan.


(d) Pejabat Antarabangsa

- (i) Menerima dan mengagihkan borang permohonan daripada pelajar kepada Fakulti untuk perakuan;
- (ii) Menguruskan permohonan dokumen perjalanan diri serta visa;
- (iii) Memberikan taklimat kepada pelajar sebelum pelajar menjalani program Mobiliti Outbound Berkredit;
- (iv) Memantau hal ehwal dan kebajikan pelajar-pelajar yang sedang menjalani program Mobiliti Outbound Berkredit;
- (v) Menjadi Urusetia Mesyuarat Jawatankuasa Tabung Mobiliti dan menguruskan bantuan kewangan kepada pelajar yang diluluskan bantuan; dan
- (vi) Mendapatkan keputusan peperiksaan pelajar dari Universiti Hos.

6. PENUTUP


Panduan Mobiliti Pelajar ini hendaklah dibaca bersama Peraturan Akademik dan Panduan Sistem Peraturan Akademik Universiti.


**CARTA ALIR PROSES MOBILITI OUTBOUND BERKREDIT
(PERINGKAT PERANCANGAN DAN PERSEDIAAN)**




**CARTA ALIR PROSES MOBILITI OUTBOUND BERKREDIT
(PERINGKAT PERMOHONAN DAN KELULUSAN)**

Tanggungjawab





**CARTA ALIR PROSES MOBILITI OUTBOUND BERKREDIT
(PERINGKAT PELAKSANAAN)**



**CARTA ALIR PROSES MOBILITI OUTBOUND BERKREDIT
(PERINGKATMENGELUARKAN KEPUTUSAN)**

